

Keberkesanan Pintar LiLin Dalam Meningkatkan Penguasaan Murid Terhadap Kemahiran Menulis Suku Kata Terbuka

Nur Hatiqah Wakanan, Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad

Abstrak- PINTAR LiLIN merupakan bahan intervensi yang diaplikasikan dalam kajian ini untuk meningkatkan pencapaian murid dalam kemahiran menulis suku kata terbuka Bahasa Melayu. Pintar Literasi LINUS atau nama singkatannya PINTAR LiLIN yang dihasilkan dengan mengaplikasikan gabungan ketiga-tiga elemen iaitu (1) visual, (2) auditori dan (3) kinestetik. Kajian ini bertujuan untuk meneroka keberkesanan PINTAR LiLIN dalam meningkatkan pencapaian murid terhadap kemahiran menulis suku kata terbuka. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Lokasi kajian di salah sebuah sekolah kebangsaan di daerah Jempol, Negeri Sembilan. Ia melibatkan 5 orang murid Tahun 2 yang hanya melepasi konstruk 1 dan konstruk 2 dalam Saringan Literasi LINUS 2018. Instrumen yang digunakan adalah Ujian Pra dan Pos, dan PINTAR LiLIN. Berdasarkan hasil dapatan Ujian Pra menunjukkan markah tertinggi yang diperolehi oleh murid adalah 8 daripada 15 soalan dan markah terendah yang diperolehi oleh murid ialah 2 daripada 15 soalan. Ujian Pos pula menunjukkan markah tertinggi yang diperolehi ialah 15 daripada 15 soalan dan markah terendah ialah 6 daripada 15 soalan. Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan berlaku peningkatan pencapaian murid terhadap suku kata terbuka dengan menggunakan PINTAR LiLIN. Maka kajian ini menunjukkan PINTAR LiLIN dapat meningkatkan pencapaian murid dalam kemahiran menulis suku kata terbuka. Kajian ini memberi implikasi kepada murid untuk lebih seronok belajar dengan mengaplikasikan PINTAR LiLIN dan dapat meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran menulis suku kata.

Kata kunci: PINTAR LiLIN, Bahasa Melayu, Kemahiran Menulis, suku kata terbuka, LINUS

I. PENDAHULUAN

Proses pendidikan merupakan satu proses pembelajaran bagi melahirkan individu yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, sahsiah dan rohani menurut matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Keseimbangan murid akan menjadikan murid lebih bersedia untuk menerima pendidikan di awal kanak-kanak. Pada peringkat ini, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia amat menitikberatkan tentang kemahiran asas literasi.

Kemahiran menulis merupakan satu cabang yang terkandung dalam kemahiran literasi. Di peringkat awal persekolahan, kemahiran menulis seharusnya sudah dikuasai oleh murid-murid.

Dalam pengajaran Bahasa Melayu, para guru menghadapi pelbagai cabaran semasa menyampaikan isi pembelajaran apabila masalah keciciran pembelajaran dalam kemahiran menulis masih tinggi. Konsep kemahiran menulis menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2012) merujuk kepada kemampuan murid untuk menulis bermula daripada huruf, suku kata, perkata, ayat dan frasa dan akhirnya boleh membentuk kepada penulisan kreatif. Menurut Noor Habsah Ali & Yahya Othman (2018) kemahiran menulis adalah satu kemahiran yang memerlukan proses yang panjang untuk dipelajari. Ia disokong dengan pendapat Nik Safiah (2004) dan Baki (2003) yang menyatakan bahawa ia memerlukan kesungguhan murid untuk belajar menguasai kemahiran menulis ini.

Kegagalan menguasai kemahiran menulis merupakan isu global bagi kebanyakan negara di seluruh dunia (Dennis, Lynch & Stockall, 2012). Jika dilihat dalam aspek keberhasilan pendidikan di Malaysia, kedudukan negara jauh ketinggalan berbanding dengan negara lain seperti Singapura, Korea dan Jepun. Berdasarkan kajian PISA (Programme for International Student Assessment), menunjukkan Malaysia menduduki tempat ke 44 dalam aspek literasi pada tahun 2010 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Laporan Jawatankuasa Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi NKRA, merekodkan seramai 54,000 murid tahun satu atau 13 peratus yang masih gagal dalam menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi (LINUS), manakala murid tahun empat seramai 117,000 atau 24 peratus murid yang masih belum mencapai tahap minimum dalam kemahiran literasi pada tahun 2008. Kelas insentif seperti Program Kelas Intervensi Membaca dan menulis (KIA2M) dan Program Bimbingan Membaca dan Menulis (PROBIM) telah dijalankan, namun begitu keputusan menunjukkan matlamat program ini gagal dicapai (PADU, 2015).

Laporan Program LINUS saringan kedua bagi pencapaian kohort murid yang sama bermula tahun 2015 sehingga 2017 menunjukkan seramai 1.35 juta orang murid Tahap 1 yang dikenal pasti telah mengikuti Program LINUS sebanyak dua kali saringan. Laporan bagi tiga tahun ini menunjukkan pencapaian murid menguasai kemahiran literasi masih tidak mencapai 100%. Walaupun berlaku peningkatan, namun keputusan tidak menunjukkan 100% murid yang telah menguasai kemahiran literasi. Setiap tahun Kementerian Pendidikan Malaysia mengeluarkan laporan statistik yang menunjukkan peningkatan pencapaian cemerlang peperiksaan sama ada peringkat Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Tahap 3 (PT3), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Namun amat malang sekali, isu keciciran

murid belum menguasai kemahiran menulis masih lagi membimbangkan (Zinotulniza, 2011).

Penggunaan bahan bantu mengajar boleh diaplikasikan oleh guru untuk dijadikan sebagai medium bantuan semasa menyampaikan isi pengajaran. Bahan bantu mengajar boleh dijadikan sebagai pemudahcara untuk guru dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran bagi mencapai hasil pembelajaran yang berpusatkan kepada murid (Jasmi et al. 2011). Menurut Ahmad Zanzali & Daud (2010), pada zaman ini, pengajaran guru yang hanya menggunakan buku teks dan papan hitam semasa mengajar adalah kurang berkesan. Tambahannya lagi, guru seharusnya menggunakan bahan bantu tambahan yang lebih kreatif bagi memberi motivasi dan semangat murid untuk bersungguh-sungguh untuk isi pengajaran.

Pengaplikasian bahan bantu mengajar bukan sahaja dapat memberi motivasi bahan bantu ini dapat membantu penguasaan dan pemahaman murid dalam memahami isi pengajaran. Menurut Faizah Ja'apar (2017) pengaplikasian bahan bantu mengajar boleh meningkatkan prestasi akademik murid. Sehubungan itu, bahan bantu dijadikan sebagai satu medium kepada para guru untuk mencapai objektif pengajaran pada hari tersebut. Guru berperanan untuk mewujudkan suasana yang ceria dengan mengaplikasikan bahan bantu yang kreatif (Haji Hassan, 2004).

Berdasarkan isu kegagalan dan kecaciran murid dalam menguasai kemahiran menulis, pengkaji menjalankan satu kajian berkaitan dengan kemahiran menulis yang berfokus kepada suku kata terbuka. Oleh itu, pengkaji telah menghasilkan PINTAR LiLIN dan diaplikasikan dalam kajian ini.

PINTAR LiLIN merupakan bahan bantu mengajar yang dijadikan sebagai intervensi dalam kajian ini. PINTAR LiLIN dihasilkan dengan menggabungkan elemen visual, auditori dan kinestetik. Aktiviti pembelajaran dengan menggunakan PINTAR LiLIN adalah (i) menyambung titik-titik suku kata terbuka, (ii) menulis suku kata di atas pasir, (iii) membentuk suku kata menggunakan plastisin (iv) menulis suku kata berdasarkan suara audio dan (v) menulis suku kata berdasarkan visual.

Tujuan kajian ini untuk melihat keberkesanan PINTAR LiLIN untuk meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran menulis suku kata terbuka. Objektif kajian untuk meneroka tahap pencapaian kemahiran menulis murid sebelum pengaplikasian intervensi PINTAR LiLIN meneroka tahap pencapaian kemahiran menulis murid selepas pengaplikasian intervensi PINTAR LiLIN. Seterusnya, kajian dijalankan bagi menjawab persoalan kajian:

- i) Apakah pencapaian kemahiran menulis murid sebelum pengaplikasian intervensi PINTAR LiLIN?
- ii) Apakah pencapaian kemahiran menulis murid selepas pengaplikasian intervensi PINTAR LiLIN?

PINTAR LiLIN dihasilkan dan dijadikan bahan pengajaran dalam kajian ini memberi kepentingan dan implikasi khususnya kepada murid dengan mewujudkan suasana yang menyeronokkan semasa sesi pembelajaran. Pengaplikasian PINTAR LiLIN ini memberikan motivasi dan semangat kepada murid LINUS untuk belajar menguasai

kemahiran menulis suku kata terbuka. Seterusnya, penyelidik membawa kepentingan dan sumbangan idea kepada para guru untuk menghasilkan bahan intervensi pengajaran bagi meningkatkan pencapaian murid dan mencapai objektif pembelajaran

II. KAJIAN LITERATUR

Kemahiran Menulis

Kelemahan dan kegagalan murid-murid dalam penguasaan kemahiran menulis merupakan salah satu perhatian yang dititikberatkan dalam pendidikan di Malaysia. Walaupun telah banyak kajian-kajian dilakukan, masalah ini masih lagi wujud di Malaysia. Semua pihak masih mencari-cari intervensi dan kaedah yang dapat meningkatkan pencapaian dalam kemahiran menulis. Ketidakmampuan menguasai kemahiran menulis ini akan mengganggu pembelajaran di sekolah (Taman Timbang et al. 2010).

Kajian yang dijalankan oleh Mohd Israfi, Mad Isa & Yasmin (2010) bagi meneroka pencapaian murid dalam kemahiran literasi di beberapa buah sekolah di Negeri Melaka. Kajian ini dilakukan kerana masih terdapat murid yang gagal dalam menguasai kemahiran ini walaupun sudah berada enam tahun di peringkat sekolah rendah. Implikasi kegagalan murid ini memberi impak negatif dalam kelangsungan kehidupan sebenar.

Selain itu, dalam kajian Abdul Rashid Jamian (2011) yang membawa isu berkaitan tentang kegagalan murid menguasai kemahiran menulis dalam kawasan sekolah di luar bandar di beberapa kawasan semenanjung Malaysia. Responden dalam kajian ini melibatkan 161 orang murid. Berdasarkan hasil dapatan membuktikan sikap negatif murid menjadi halangan utama untuk murid mencapai objektif pembelajaran untuk menguasai kemahiran literasi.

Bahan Bantu Pengajaran

Menerusi kajian tindakan Aspalaika dan Maslinda (2006) yang mengkaji tentang penguasaan suku kata KV dan KVK. Sampel kajian adalah berfokus kepada murid Tahun 3. Pengkaji telah mengaplikasikan kaedah latih tubi selama dua minggu dan selama lima minit sebelum sesi pembelajaran Bahasa Melayu. Hasil dapatan menunjukkan, murid-murid tersebut dapat meningkatkan penguasaan murid terhadap kemahiran membaca menulis suku kata tersebut.

Seterusnya, kajian tindakan yang dijalankan oleh Elsa Hanna dan Abdul Halim (2013) dengan mengaplikasikan teknik permainan Pijak Baca dalam kemahiran literasi murid. Kajian ini memerlukan sampel untuk membuat pengulangan berulang kali apabila sampai pada petak yang terdapat ular. Kaedah ini meminta murid untuk membaca berulang kali secara latih tubi. Pengulangan dan latih tubi dapat membantu dan menyumbang kepada peningkatkan kemahiran membaca (Sharipah Amalhayaty, 2015).

Seterusnya dalam kajian yang dijalankan oleh Abdul Rashid (2011) mengenai bacaan suku kata dalam Bahasa Melayu. Fokus kajian ini untuk meneroka isu kemahiran literasi yang melibatkan murid Tahun 4 dan Tahun 5. Pengkaji telah mengaplikasikan kaedah latihan tambahan semasa aktiviti bacaan dengan menggabungkan

elemen bahan bantu BBM yang menarik. Hasilnya, pengkaji dapat melihat peningkatan yang positif murid-murid dalam penguasaan kemahiran membaca.

Menerusi kajian Liza Rozy Anak Ulok (2009) yang mengaplikasikan Kaedah Elektrik dan Kaedah Oral-Aural terhadap murid-murid Tahun 3. Dalam kajian ini, murid-murid gagal untuk menyebut dan menulis suku kata KVKV dengan baik. Hasil dapatan menunjukkan pengaplikasian kedua-dua kaedah ini dapat meningkatkan pencapaian murid dalam menyebut dan menulis suku kata KVKV. Selain itu, kajian Yuthisdeeran A/L Maniam et al. (2018) mengaplikasikan kaedah bermain dengan menggunakan teknologi realiti maya menunjukkan peningkatan yang positif dalam ujian pos bagi kemahiran literasi suku kata terbuka KVKV.

Julie Chuah Suan dan Manjet Kaur Mehar Singh (2011) menyatakan bahawa pengaplikasian bahan bantu mengajar yang berteknologi semasa proses pembelajaran dapat meningkatkan penguasaan terhadap kemahiran menulis. Menurut Abdul Rashid Jamian (2011) bimbingan guru secara berterusan dan berbantuan bahan pengajaran dapat membantu murid yang masih belum mencapai tahap minimum dalam kemahiran menulis. Bagi mengenalpasti tahap pencapaian murid, guru boleh melaksanakan ujian saringan seterusnya program pemulihan bagi murid yang masih belum menguasai kemahiran literasi agar masih belum ketinggalan lebih jauh dan boleh bersaing bersama-sama dengan rakan yang lain.

Pengaplikasian Elemen Visual, Auditori dan Kinestetik (VAK)

Terdapat kajian yang turut mengaplikasikan Gaya pembelajaran VAK semasa menyampaikan isi pengajaran. Menerusi kajian yang dijalankan oleh Norul Haida et al. (2016) yang menggunakan Model Gaya Pembelajaran VAK dalam pembelajaran Komsas. Dapatan kajian menunjukkan hasil keputusan bahawa gaya pembelajaran antara pelajar yang cemerlang dengan pelajar tidak cemerlang adalah berbeza. Elemen visual dan auditori lebih didominasi oleh pelajar cemerlang manakala elemen kinestetik lebih digemari oleh pelajar lemah. Pengkaji membuat kesimpulan bahawa Model VAK ini sangat sesuai diaplikasikan semasa proses PdPc Komsas dan penting kepada guru Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah.

Menerusi kajian yang dijalankan oleh Christopher Lu Wei Wang (2009) menyatakan bahawa bahan-bahan visual dapat meningkatkan pemahaman dan pencapaian murid Tahun 3 dalam tajuk "External features of animals" bagi matapelajaran Sains. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Noor Fadzilah et al. (2018) turut mengaplikasikan visual dalam kajian mereka. Dapatan menunjukkan kaedah visual dapat meningkatkan kefahaman konsep abstrak dan kemahiran praktikal dalam menyelesaikan masalah pengaturcaraan.

Beberapa kajian lepas yang menunjukkan peningkatan dalam bidang akademik menerusi gaya pembelajaran VAK. Ini dibuktikan dalam kajian Ni Luh Pt. Ariastini (2013) yang menunjukkan terdapat pengaruh baik dalam Model Gaya Pembelajaran VAK terhadap hasil pembelajaran Ilmu Pengajian Alam (IPA). Kajian Susi Andrianty, (2015) juga menunjukkan terdapat hubungan

yang positif terhadap prestasi penilaian markah pelajar dalam matapelajaran Geografi dengan pengaplikasian Model Gaya Pembelajaran VAK. Disokong dengan kajian Diyah Aprita Sasi (2014) yang menyatakan bahawa wujud pengaruh yang positif gaya pembelajaran VAK terhadap markah ujian penilaian akhir dalam matapelajaran Bahasa Inggeris.

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah dinyatakan, pengkaji melihat beberapa kelompongan. Oleh itu, fokus kajian ini akan untuk meneroka keberkesanan PINTAR LiLIN berdasarkan Gaya Pembelajaran VAK dalam membantu murid LINUS terhadap kemahiran menulis suku kata terbuka KVKV dalam matapelajaran Bahasa Melayu.

III. METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kes yang menggunakan data kualitatif. Kajian ini melibatkan lima orang sampel kajian di salah sebuah sekolah kebangsaan di daerah Jempol, Negeri Sembilan. Lima orang sampel kajian ini dipilih secara persampelan bertujuan. Pemilihan sampel kajian berdasarkan kepada keputusan Saringan 2 LINUS 2018. Sampel dalam kajian ini hanya melepasi Konstruk 1 dan Konstruk 2. Sampel kajian ini dipilih kerana kajian ini berfokus kepada murid yang masih belum mencapai tahap minimum kemahiran menulis suku kata terbuka.

Data kualitatif diperoleh berdasarkan data analisis ujian. Kajian ini menggunakan instrument Ujian Pra dan Pos. Pembinaan instrument Ujian Pra bertulis mengandungi 15 soalan bergambar yang berkaitan suku kata terbuka. Manakala Ujian Pos bertulis juga mengandungi 15 soalan bergambar yang berkaitan suku kata terbuka. Item 15 soalan bergambar suku kata terbuka yang terkandung di dalam instrument Ujian Pra dan Pos ialah paku/ dadu/ laci/ topi/ ciku/ feri/ cili/ jeli/ roti/ jari/ lori/ beca/ mata/ baju/ bola. Tujuan ujian pra dan pos dijalankan untuk melihat keberkesanan PINTAR LiLIN terhadap peningkatan tahap pencapaian murid kemahiran menulis suku kata terbuka.

Instrumen Ujian Pra dan Ujian Pos dibina sendiri oleh pengkaji dan disahkan oleh pakar dalam bidang. Pengkaji memilih seorang pensyarah daripada IPG dalam bidang Bahasa Melayu mengesahkan kesahan instrument. Sebanyak 3 kali penambahbaikan telah dilakukan sepanjang proses untuk mendapatkan kesahan instrument. Penambahbaikan yang keempat telah diterima dan disahkan oleh pakar dalam bidang tersebut. Pengkaji menggunakan instrument yang telah disahkan pakar dalam bidang.

Ujian Pra dan Pos dianalisis berdasarkan graf ujian. Pengkaji menganalisis graf bagi ujian pra, ujian pos dan perbandingan ujian pra dan pos. Graf dianalisis untuk meneroka peningkatan pencapaian murid dalam kemahiran menulis suku kata terbuka dengan pengaplikasian PINTAR LiLIN.

PINTAR LiLIN merupakan bahan pengajaran yang dihasilkan oleh pengkaji yang mengandungi elemen visual, auditori dan kinestetik. PINTAR LiLIN mengandungi gambar dan tulisan suku kata terbuka. Gambar dan tulisan suku kata terbuka boleh dibuka dan digantikan dengan gambar dan tulisan suku kata terbuka yang lain. Sampel kajian belajar suku kata terbuka dengan diaplikasikan ketiga-tiga elemen visual, auditori dan kinestetik. Sampel

kajian menjalani aktiviti menulis seperti di atas pasir, menggunakan tanah liat dan menyambung titik-titik.




RAJAH 1: PINTAR LiLIN

IV. HASIL DAPATAN

Kemahiran menulis juga merupakan kemahiran yang terkandung di dalam kemahiran literasi yang perlu dikuasai oleh murid. Pengkaji memfokuskan kajian ini kepada kemahiran menulis suku kata terbuka.

Ujian Pra

Instrumen ujian Pra dilaksanakan oleh pengkaji sebelum menggunakan PINTAR LiLIN dalam kemahiran menulis suku kata terbuka. Hasil dapatan kajian ujian pra bagi kelima-lima sampel kajian adalah seperti di Rajah 2.



RAJAH 2: KEPUTUSAN UJIAN PRA

Murid 1 dapat menjawab soalan dengan betul sebanyak 6 soalan daripada 15 soalan. Murid ini dapat menulis dengan betul perkataan suku kata terbuka iaitu baju/ bola/ mata/ beca/ roti/ paku. Murid 2 dapat menjawab 4 soalan dengan betul daripada 15 soalan. Murid ini boleh dikategorikan dalam kategori sederhana lemah. Murid ini hanya dapat menjawab 4 soalan dengan betul daripada 15 soalan. Suku kata terbuka yang dapat ditulis dengan betul ialah baju/ bola/ mata / paku. Murid 3 juga dapat menjawab 4 soalan dengan betul daripada 15 soalan. Murid ketiga juga boleh dikategorikan dalam kategori sederhana lemah. Murid ini dapat menulis 4 jawapan dengan betul semasa ujian pra. Suku kata terbuka dengan betul ditulis oleh responden ialah baju/ mata/ bola/ beca.


Murid 4 pula hanya dapat menjawab 2 soalan dengan betul daripada 15 soalan. Murid ini boleh

dikategorikan dalam kategori murid yang sangat lemah. Murid ini hanya menjawab 5 soalan sahaja daripada 15 soalan dan hanya 2 jawapan sahaja dengan betul iaitu baju/ bola. Murid 5 pula dapat menjawab 8 soalan dengan betul daripada 15 soalan. Murid dapat menulis dengan betul perkataan suku kata terbuka iaitu baju/ bola/ mata/ beca/ roti/ paku/ topi/ dadu.

Berdasarkan hasil dapatan keseluruhan Ujian Pra menunjukkan markah bagi Ujian Pra kurang memuaskan. Kelima-lima murid masih belum dapat menguasai kemahiran menulis konstruk 3 iaitu suku kata terbuka dengan baik dan lancar.

Ujian Pos

Instrumen ujian Pos dilaksanakan oleh pengkaji selepas mengaplikasikan PINTAR LiLIN dalam kemahiran menulis suku kata terbuka. Hasil dapatan kajian ujian pos bagi kelima-lima sampel kajian adalah seperti di Rajah 3.



RAJAH 3: KEPUTUSAN UJIAN POS


Hasil dapatan menunjukkan Murid 1 dapat menjawab sebanyak 15 soalan daripada 15 soalan. Murid 2 pula dapat menjawab 9 soalan dengan betul daripada 15 soalan. Suku kata terbuka yang dapat ditulis dengan betul ialah baju/ bola/ laci/ paku/ beca/ mata/ dadu/ roti/ jari. Manakala murid 3 dapat menjawab 10 soalan dengan betul daripada 15 soalan. Murid ini dapat menulis 10 jawapan dengan betul iaitu baju/ beca/ bola/ topi/ mata/ paku/ lori/ roti/ cili/ laci. Murid menulis kesemua jawapan bagi setiap soalan.

Murid 4 pula dapat menjawab 6 soalan dengan betul. Semasa ujian pos dijalankan, murid ini menjawab 10 soalan daripada 15 soalan dan 6 soalan daripadanya adalah betul. 6 perkataan suku kata terbuka yang betul dijawab oleh murid ialah bola/ baju/ laci/ mata/ paku/ ciku. Murid 5 dapat menjawab 15 soalan dengan betul secara keseluruhannya.

Berdasarkan keputusan Ujian Pos secara keseluruhan, pengkaji melihat peningkatan yang baik bagi kelima-lima murid walaupun masih terdapat beberapa perkataan suku kata terbuka yang tidak dapat dikuasai oleh murid. Oleh itu, pengkaji membuat kesimpulan bahawa PINTAR LiLIN yang diaplikasikan oleh pengkaji dapat membantu meningkatkan prestasi akademik murid dalam kemahiran menulis suku kata terbuka.

Perbandingan Ujian Pra dan Ujian Pos

Berikut merupakan perbandingan markah ujian pra dan ujian pos bagi kelima-lima sampel kajian mengikut rubrik yang telah ditetapkan oleh pengkaji.



RAJAH 4: PERBANDINGAN KEPUTUSAN UJIAN PRA DAN POS

Rajah 4 menunjukkan hasil dapatan perbandingan keputusan Ujian Pra dan Ujian Pos bagi kelima-lima sampel kajian. Secara keseluruhan, hasil dapatan menunjukkan berlaku peningkatan yang positif pada keputusan Ujian Pos. Walaubagaimanapun, hanya Murid 1 dan Murid 5 sahaja yang dapat menjawab 15 soalan dengan betul pada ujian pos. Manakala tiga orang sampel kajian, masih tidak dapat menjawab soalan secara keseluruhan dengan betul.

Setelah dianalisis keputusan Ujian Pra dan Ujian Pos secara keseluruhan, dapat dilihat berlaku peningkatan yang baik bagi kelima-lima murid walaupun masih terdapat beberapa perkataan suku kata terbuka yang tidak dapat dikuasai oleh murid. Oleh itu, pengkaji membuat kesimpulan bahawa PINTAR LiLIN yang diaplikasikan dalam kajian ini dapat meningkatkan pencapaian akademik murid dalam menulis suku kata terbuka.

V. PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Kajian ini bertujuan untuk meneroka keberkesanan PINTAR LiLIN dalam pencapaian murid menulis suku kata terbuka. Hasil analisis data menunjukkan secara keseluruhannya terdapat peningkatan yang positif bagi kelima-lima responden. Walaupun berlaku peningkatan penguasaan murid terhadap kemahiran menulis suku kata terbuka namun masih terdapat perkataan suku kata terbuka yang tidak dapat ditulis dengan baik oleh sampel kajian. Dua orang sampel kajian dapat menjawab kesemua soalan dengan betul manakala tiga orang sampel kajian masih terdapat perkataan suku kata terbuka yang masih belum dikuasai dengan baik.

Beberapa faktor yang boleh menjadi penyebab kepada kegagalan murid dalam menguasai kemahiran literasi ini. Antaranya perhatian dan kasih sayang daripada ibu ayah serta keluarga boleh mengganggu pembelajaran murid. Pendapat ini disokong dengan pendapat Maslow (1943) yang menyatakan bahawa kepentingan kasih sayang,

perhatian, suasana perkitaran di dalam rumah turut menyumbang kepada penguasaan prestasi akademik murid di sekolah. Selain itu, faktor motivasi boleh menyebabkan murid lebih bersemangat untuk terus belajar. Pendapat ini selari dengan pernyataan Purcell-Gates, Victoria; Anderson, Jim; Gagne, Monique; Jang, Kristy; Lenters, Kimberly A., McTavish & Marianne (2012) yang menyatakan bahawa faktor dalaman dan luaran dapat meningkatkan prestasi pembelajaran.

Selain itu, faktor yang menjadi penyebab kepada kegagalan murid untuk menguasai isi pembelajaran ialah faktor pendapatan ibu bapa. Ini secara tidak langsung boleh membantu para ibu bapa untuk menyediakan kelengkapan yang lebih baik seperti kelas tambahan dan sebagainya. Pendapat ini disokong oleh Tuan Jah Tuan Yusof (2011) yang menyatakan bahawa pendapatan gaji ibu ayah yang lebih tinggi cenderung ibu ayah untuk menyediakan kelengkapan pembelajaran dengan lebih baik. Tambahan beliau lagi, ia mempunyai hubungan linear antara pendapatan gaji ibu ayah dengan minat dan motivasi seseorang.

Implikasi yang boleh diperolehi hasil daripada kajian ini dengan pengaplikasian PINTAR LiLIN, suasana pembelajaran lebih menarik dengan kewujudan elemen-elemen visual, audio dan kinestetik. Menurut Siti Khadzah Kaimin et al. (2016), elemen audio visual dapat memberikan suasana yang ceria sewaktu sesi pengajaran sedang berjalan. Selain itu, PINTAR LiLIN ini juga dapat memberi implikasi yang positif terhadap peningkatan penguasaan murid LINUS. Menurut Norfarizah Mohd Bakhir et al. (2016), bahan bantu sangat penting terhadap murid dalam memahami sesuatu mata pelajaran. Pengaplikasian PINTAR LiLIN dalam pengajaran juga boleh dijadikan sebagai bahan bantu dan pemudahcara bagi guru untuk menyampaikan isi pengajaran. Menurut pandangan Jasmi et al. (2011) yang menyatakan bahawa bahan bantu yang dihasilkan berfungsi sebagai pemudahcara kepada guru untuk mencapai hasil pembelajaran pada hari tersebut.

Oleh itu, bagi cadangan penambahbaikan pengkaji lain, kajian sebegini sesuai dijalankan selepas bulan pertama persekolahan. Ini kerana murid-murid baru mula untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran yang baharu. Masa yang sesuai untuk menjalankan kajian amat penting untuk mendapatkan hasil dapatan yang terbaik. Waktu yang paling sesuai dijalankan pada bulan Februari atau bulan Mac. Sekiranya pengkaji menjalankan kajian agak lewat, ia memberi impak kepada prestasi murid. Oleh itu, seeloknya kajian dijalankan di awal persekolahan supaya masalah kegagalan menguasai kemahiran ini dapat dibendung dan diatasi dengan lebih awal.

Selain itu, pengkaji menyarankan supaya melihat kepada faktor-faktor lain yang menjadi penyumbang kepada peningkatan prestasi murid. Antara faktor lain ialah faktor keluarga dan rakan sebaya. Ini bertepatan dengan pandangan Jeyaganesh A/L Sellvaraju (2018) yang menyatakan bahawa hubungan keluarga dan rakan sebaya secara tidak langsung mempengaruhi prestasi akademik seseorang. Selain itu, faktor minat juga boleh menjadi penyumbang terhadap prestasi murid. Pernyataan ini disokong oleh Zainudin Abu Bakar dan Fazilah Tumin (2010) yang menyatakan bahawa faktor minat boleh memberikan kejayaan yang luar biasa bagi diri seseorang individu dalam aspek pendidikan.

VI. RUMUSAN

Kesimpulannya, kemahiran menulis seharusnya telah dikuasai oleh murid-murid di awal persekolahan. Kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran saling berkait dengan kemahiran ini. Kegagalan menguasai kemahiran menulis boleh memberi implikasi yang sangat besar dalam diri individu itu sendiri dan secara tidak langsung kepada sekaligus implikasi terhadap dunia pendidikan.

Maka, kajian ini memberi gambaran dengan jelas bahawa pengaplikasian PINTAR LiLIN meningkatkan pencapaian dan prestasi akademik murid LINUS terhadap kemahiran menulis suku kata terbuka. Justeru itu, pengkaji berharap supaya kajian ini dapat diteruskan bagi menangani isu keciciran murid dalam menguasai kemahiran menulis dalam kalangan murid khususnya di sekolah rendah.

RUJUKAN

- Arbiah Maddahiri, Mohd Khairuddin, Mohammad Haafiz & Hairi. 2018. Amalan Pengajaran Guru LINUS-Literasi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol 3, Isu 2: 32-39
- Azizi Hj Yahaya & Shareeza Abdul Karim. 2003. Hubungan Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Akademik Pelajar di Tingkatan Empat Sekolah Menengah Teknik Negeri Sembilan. National Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, Johor Bharu, 19-21 Oktober 2003.
- Che Zanariah & Fadzilah. 2011. Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol 1, Bil 1: 67 - 87
- Chew Fong Peng. 2015. Pelaksanaan Program Literasi dan Numerasi (LINUS) Di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol 5, Bil 2 : 1-11
- Faizah Ja'apar. 2017. Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam Pengajaran dan Pembelajaran P&P di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Daerah Pontian. Tesis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Hj Mohd Razak, Mohd Nordin, Shaharuddin & Normah. 2004. Cabaran Guru Program LINUS (Literasi) di Sekolah-Sekolah Murid Orang Asli Negeri Perak. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, Jilid 8: 1-18
- Mohd Rasidi Omar. 2011. Faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar. Dimuat turun pada 10 Disemberi 2019 di laman web https://www.researchgate.net/publication/327679092_Faktor_Yang_Mempengaruhi_Pencapaian_Akademik_Pelajar
- Noor Habsah Ali & Yahya Othman. 2018. Strategi Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua dalam Kalangan Pelajar Melanau Daerah Daro. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol 8 (1): 33-41
- Nurul Haida Hj Reduzan, Robe'ah Yusuf & Hidayah Hasim. 2016. Aplikasi Model VAK dalam Gaya Pengajaran dan Pembelajaran Komsas Bahasa Melayu. Dimuat turun pada 5 Disemberi 2019 di laman web <http://conference.kuis.edu.my/recit2016/images/e-proceeding/DR-NORUL-HAIDA.pdf>
- Nur Musliha Mustafa & Mokmin Basri. 2015. Pembelajaran Al-Quran Berasaskan Teknik dan Gaya Pembelajaran VAK (Visual, Auditori dan Kinestetik). Dimuat turun pada 5 Disember 2019 di laman web https://www.researchgate.net/publication/305492841_PEMBELAJARAN_VAK_VISUAL_AUDITORI_DAN_KINESTETIK/link/5791a2b808ae4e917d047390/download
- Nurul Haniza, Puteri Roslina & Salinah Ja'afar. 2017. Pembelajaran Bahasa Melayu Kanak-Kanak Pemulihan Khas: Pembinaan Bahan Bantu Mengajar. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 28: 16 - 193
- Nurul Farahana Anwar. 2013. Hubungan Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Akademik Pelajar Aliran Vokasional. Tesis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Raffi Ismail. 2012. Pendekatan Kaedah Bimbingan Secara Individu dan Penggunaan Kad Suku Kata KVKV dalam meningkatkan Kemahiran Menulis Perkataan Dua Suku Kata Terbuka Bahasa Melayu Murid Tahun Empat. Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL: 112-125
- Rasidah Rashid. 2007. Hubungan Antara Gaya Pembelajaran dengan Motivasi Dalam Kalangan Pelajar Di Sebuah Sekolah Menengah Luar Bandar, Sabah. Tesis Fakulti Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia
- Sharipah Amalhayaty. 2015. Penggunaan Kaedah Fonik dalam Pengajaran Kemahiran Bacaan Awal Kanak-kanak Prasekolah. Tesis. Fakulti Pendidikan: Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Siti Khadzah Kaimin & Mohd Aderi Che Noh. 2016. Kaedah Media Audio Visual dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Wacana Pendidikan Islam II. Bangi 15-16 November 2016
- Yahya Othman & DK. Suzanawaty Pg. Osman. 2014. Keupayaan menguasai kemahiran menulis melalui Pembelajaran Berasaskan Projek Dalam Penulisan Berbentuk Risalah Di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol 4(1): 19 - 29
- Yuthisdeeran A/L Maniam, Mages A/P Panjaman, Nurul Farhana Jumaat & Nor Fadila Amin. 2018. Pendekatan Pembelajaran Melalui Bermain untuk Meningkatkan Kemahiran Murid Mambatangkan Suku Kata Terbuka KVKV Menggunakan Teknologi Realiti Maya. *Prosiding Inovasi dalam Pembelajaran dan Pengajaran*. Jilid 1: 302 - 334
- Wan Nurzuliana Wan Ahmad. 2019. Amalan Guru dalam Melaksanakan Kemahiran Literasi Bahasa Melayu Bagi Program LINUS di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol 9, Bil 1: 1-11